



UCAPAN

YAA TUN ARIFIN BIN ZAKARIA

KETUA HAKIM NEGARA

DI MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MoU)

DI ANTARA

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA (PKPMP)

DAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

15 JULAI 2016 | 10.00 PAGI | ISTANA KEHAKIMAN, PUTRAJAYA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

YBhg. Prof. Datuk Dr. Noor Azlan bin Ghazali
Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia

YAA Tan Sri Dato' Sri Md Raus bin Sharif
Presiden Mahkamah Rayuan

YAA Tan Sri Dato' Sri Zulkefli bin Ahmad Makinudin
Hakim Besar Malaya

YA Tan Sri Ahmad bin Maarop
Hakim Mahkamah Persekutuan

YBhg. Datin Latifah bin Haji Mohd Tahar
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

YBhg. Profesor Dato' Noor Aziah Mohd Awal
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UKM

YBrs. Prof. Dr. Rohimi Shapiee
Dekan Fakulti Undang-Undang UKM

Pegawai-Pegawai Kanan PKPMP, YBrs. Pengarah-Pengarah Mahkamah
Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan UKM,

Ahli-Ahli Media

Hadirin dan Hadirat Sekalian.

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu bersempena dengan sambutan Aidilfitri yang masih diraikan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua tetamu yang hadir pada hari ini.
2. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, dapatlah kita bersama-sama dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bagi saya, majlis pada hari ini mencipta sejarahnya tersendiri terutamanya kepada Badan Kehakiman, kerana buat julung-julung kalinya PKPMP menjalinkan

kerjasama bersama Institut Pengajian Tinggi menerusi MoU bagi meningkatkan jalinan kerjasama di antara kedua-dua pihak. Saya telah dimaklumkan bahawa idea untuk mengadakan kolaborasi ini datangnye daripada pihak UKM sendiri. Objektif utama MoU adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan undang-undang dan pencapaian akademik pelajar-pelajar di Fakulti Undang-Undang khususnya daripada UKM. Badan Kehakiman menyambut baik usaha murni sebegini dan sentiasa membuka pintu kerjasama kepada mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang berminat untuk bekerjasama dengan Badan Kehakiman.

3. Dalam landskap perundangan global, kerjasama sebegini bukanlah merupakan sesuatu yang asing dan baru. Di negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat dan Eropah, kebanyakan fakulti undang-undang telah menjalankan kerjasama dengan Mahkamah di dalam dua keadaan. Pertamanya dengan menempatkan pelajar-pelajar menjalani program sangkutan atau *internship* di Mahkamah dan kedua program sangkutan khusus yang dikenali sebagai *judicial clerkship* kepada graduan yang cemerlang. Mereka akan diambil bekerja menjadi *law clerk* (terma yang digunakan di Amerika Syarikat) atau *judicial assistant* (terma di UK) bagi satu tempoh tertentu. Menerusi

program ini, graduan tersebut akan ditempatkan di bawah penyeliaan seorang hakim. Mereka akan membantu para hakim menjalankan penyelidikan sebagai salah satu usaha untuk hakim tersebut menghasilkan penghakiman yang berkualiti. Pada masa yang sama graduan tersebut akan turut berpeluang untuk mempelajari teknik penulisan alasan penghakiman dan mendapat tunjuk ajar secara terus (*one-to-one*) daripada hakim-hakim.

4. Dalam konteks Malaysia, Program Sangkutan bagi pelajar-pelajar undang-undang IPTA merupakan satu program wajib di kebanyakan universiti di Malaysia. Sementara itu, Badan Kehakiman baru sahaja memperkenalkan program *judicial clerkship* semenjak tahun 2015. Beberapa orang graduan daripada universiti luar negara dan dalam negara seperti Oxford University dan UIAM telah diterima untuk menjalani program *judicial clerkship* di Istana Kehakiman selama 3 bulan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

5. MoU yang ditandatangani pada hari ini memberi fokus kepada tujuh skop kerjasama di antara PKPMP dan UKM, antara lain meliputi hak terhadap akses penerbitan, pelaksanaan program '*judicial clerkship*', kemudahan penyelidikan, penempatan pelajar dan ahli akademik, program sangkutan pelajar dan ahli akademik, aktiviti akademik berupa *mentoring*, kursus serta persidangan, dan penggunaan kemudahan seperti bahan rujukan bagi tujuan penyelidikan.

6. Saya berharap agar MoU yang ditandatangani pada hari ini bukan sahaja akan memberikan fokus untuk meningkatkan kemahiran pelajar tetapi pada masa yang sama dapat merapatkan hubungan di antara ahli akademik dengan hakim-hakim. Tidak dapat dinafikan bahawa ahli akademik memainkan peranan yang penting di dalam setiap perkembangan dan pembangunan undang-undang di dalam sesebuah negara. Dalam konteks ini saya tertarik dengan kata-kata yang

diungkapkan oleh Justice Bastarache, Hakim Mahkamah Agung Kanada. Menurut beliau(dipetik dan dibacakan di dalam bahasa asal):¹

“The contribution of academics is invaluable to the development of legal principles and coherent judicial decisions. The nature of the law itself is being transformed. The work of academics serves to provide a contextual social background for legal disputes, helps to make judges aware of the underlying reasons for the decisions that they make and offers useful suggestions for reform. No principled approach to decision-making can ignore the role of academics.”

7. Sementara itu sejak pertengahan abad ke-20, hakim-hakim di England dan Australia mementingkan rujukan terhadap penulisan akademik dibuat di dalam penghakiman mereka. Hakim Robert French dari Mahkamah Tinggi Australia di dalam artikel beliau yang bertajuk *“Judges and academia – building bridges”*, menegaskan seperti berikut:

“...Indeed it may now be a matter of complaint from the English Bench that counsel has failed to refer to academic

¹ Bastarache, 746. See Neil Duxbury, *Jurists and Judges — An Essay on Influence* (2001) 24–33; Russell Smyth, ‘Citation of Judicial and Academic Authority in the Supreme Court of Western Australia’ [2001] UWALawRw 1; (2001) 30 *University of Western Australia Law Review* 1, 9–10.

writings in the relevant area. So in 1995, Lord Steyn in White v Jones complained that the judges “were not referred to a single piece of academic writing on Ross v Caunters”²

8. Berdasarkan analogi di atas, saya ingin tekankan bahawa wujudnya hubungan simbiotik di antara Badan Kehakiman dan institusi pengajian tinggi. Malah kedua-dua institusi ini perlu membentuk jalinan kerjasama untuk membangunkan dan mengembangkan prinsip undang-undang. Hal ini pernah ditegaskan oleh Lord Goff, Senior Law Lord of the House of Lords di dalam Syarahan Maccabean Mengenai Jurispruden bertajuk *“In Search of Principle”*. Menurut beliau³:

“Although the work of judge and jurist is different, it is complimentary, and today it is the fusion of their work which begets the tough adaptable system which is called the common law”

9. Pendapat Lord Goff disokong oleh Professor Peter Birks, seorang professor undang-undang sivil dari Universiti Oxford. Di dalam Syarahan FA Mann⁴, beliau menyatakan bahawa *“common law is to*

² French, Justice Robert, *“Judges and academia – building bridges”* (FCA) [2007] FedJSchol 12

³ (1983) 69 Proc. Brit Acad. 169, 186 at 171 / <http://www.britac.ac.uk/pubs/proc/files/69p169.pdf>

⁴ (1998) 18 LS 397,399

be found in the library and the law library is nowadays not written only by its judges but also by its jurists.”

10. Dikeempatan ini saya ingin berkongsi apa yang dikatakan oleh Lord Roger of Earlsferry, Hakim Mahkamah Agung United Kingdom di dalam artikel beliau bertajuk “*Judges and Academics in the United Kingdom*”⁵:

“Judges are of course much nicer people than academics. Academics love to criticise the judges. Judges do not really like to criticise the academics. In other words what academics see it as their function to draw attention to the judges’ errors, judges do not usually see any real need to draw attention to even the most egregious errors of academics. And both sides may well be right. Judges’ opinion, especially appellate opinion, are influential and are intended to be influential so, if they are wrong, that is worth pointing out. In R v Shivpury, when the House of Lords had to perform a painful u-turn on the law of criminal attempt, even Lord Bridge acknowledged the value of the service which Glanville

⁵ [1985] A.C. 560

Williams had rendered to the law by his blistering criticisms of the previous decision of the House of Lord in Anderton v Ryan.”

11. Oleh itu, dengan sukacitanya saya menyeru para akademik di Malaysia amnya dan di UKM khususnya untuk lebih aktif dalam menganalisa penghakiman Mahkamah dan jika perlu memberi apa-apa kritikan yang membina. Ini boleh menyokong kepada perkembangan jurispruden di Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Oleh itu saya berharap dengan adanya MoU ini, PKPMP dan UKM dapat merancang aktiviti menarik yang boleh merapatkan lagi hubungan di antara ahli akademik dan hakim-hakim.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PROFESION PERUNDANGAN SEKARANG

13. Setiap tahun Malaysia melahirkan ramai graduan undang-undang daripada institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara bagi menampung keperluan pasaran profesion perundangan. Dalam konteks hubungan Badan Kehakiman dan UKM sendiri, ramai graduan

UKM telah diambil berkhidmat sebagai pegawai kehakiman di seluruh negara.

14. Persoalannya sejauh manakah kualiti graduan yang dilahirkan dapat menepati kehendak pasaran terutamanya bagi graduan yang memilih untuk menjadi pengamal undang-undang (*practicing lawyers*). Kita perlu ingat bahawa kejayaan profesion perundangan bukan sahaja bergantung kepada kecemerlangan akademik semata-mata sebaliknya seorang pengamal undang-undang yang cemerlang perlu memiliki kriteria berikut: bebas, berkualiti, berintegriti dan terlatih.
15. Asas kepada kriteria-kriteria tersebut bermula daripada ilmu pengetahuan, kemahiran kepeguaman dan sikap yang kesemuanya dipelajari di universiti. Di Amerika Syarikat dan Eropah, pendidikan undang-undang dianggap disiplin ilmu sosiologi yang tertinggi, dan pengajian undang-undang merupakan *second degree* di negara seperti Amerika Syarikat dan Filipina. Manakala di United Kingdom, graduan undang-undang yang berhasrat untuk menjadi pengamal undang-undang perlu mengambil Ijazah *Barrister-at-Law* daripada salah satu Inns of Court sebelum dapat ditauliahkan dan beramal.
16. Melalui pemerhatian saya, standard dan kualiti peguam-peguam terutamanya peguam muda, masih banyak yang perlu dipertingkatkan

terutamanya dalam kemahiran kepeguaman (*advocacy skill*). Kebolehan bertutur di dalam Bahasa Inggeris perlu diseimbangkan dengan kemahiran berhujah. Ini kerana ramai peguam boleh bertutur dengan baik di dalam Bahasa Inggeris tetapi gagal berhujah dengan bagus. Untuk itu kualiti kemahiran kepeguaman perlu diperkemaskan. Tanggungjawab tersebut bukan sahaja perlu digalas dibahu pensyarah-pensyarah, tetapi oleh semua pihak berkepentingan (*stake holder*) termasuk Badan Kehakiman

17. Sehubungan dengan itu pada tahun 2014, saya telah mencadangkan supaya setiap Fakulti Undang-Undang di IPTA menubuhkan *Inns of Court* di universiti masing-masing. Pada masa yang sama Hakim J. Clifford Wallace, Hakim Emeritus Mahkamah Rayuan Litar Ke-9 California, yang juga merupakan Pengasas American Inns of Court telah menyarankan agar Malaysia mengadaptasi model *American Inns of Court*. Melalui penubuhan *Inns of Court* yang diadaptasi daripada model *American Inns of Court*, semua pihak perlu bersatu dan bekerjasama untuk memantapkan lagi kemahiran kepeguaman pelajar-pelajar di universiti-universiti. Di bawah model ini alumni memainkan peranan penting untuk melatih

pelajar-pelajar undang-undang dalam kemahiran kepeguaman (*advocacy skill*). Sementara itu Badan Kehakiman pula akan melantik hakim-hakim sebagai Hakim Penyelia di setiap universiti untuk memberikan nasihat dan terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan dari masa ke masa.

18. Setakat ini dua buah universiti iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah melancarkan program *Inns of Court* masing-masing. Besarlah harapan saya agar dengan termeterainya MoU ini akan membuka jalan kepada penubuhan secara rasmi *Inns of Court* di UKM bagi membolehkan lebih banyak program bersama di antara PKPMP dan UKM dapat dianjurkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PENUTUP

19. Secara peribadi saya melihat bahawa menerusi MoU di antara PKPMP dan UKM ini merupakan permulaan yang baik ke arah meningkatkan kualiti pendidikan undang-undang di Malaysia. Saya berdoa agar usaha ini akan berjaya mencapai objektifnya.

20. Di pihak Badan Kehakiman, kami komited untuk memberikan komitmen kepada mana-mana pihak yang berhasrat untuk berkolaborasi dengan Badan Kehakiman bagi meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan undang-undang di Malaysia.

21. Saya sudahi ucapan saya bagi pagi yang mulia ini dengan dua rangkap pantun:

***Pergi ke hutan mencari rebung
Terjumpa pula si ayam hutan
PKPMP dan UKM sudah bergabung
Menghasilkan peguam contoh ikutan***

***Istana Kehakiman tersergam megah
UKM Bangi mercu kejayaan
MoU terpatri harapan diserahkan
Semoga Tuhan berikan panduan***

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum w.b.k.t.h

**TUN ARIFIN BIN ZAKARIA
KETUA HAKIM NEGARA**